Bahasa Bishnupur Manipur

Bahasa Bishnupriya Manipur (ইমার ঠার/বিষ্ণুপ্রিয়া মণিপুরী) merupakan satu Bahasa Indo-Aryan yang dituturkan di bahagian-bahagian Assam, Tripura, dan Manipur di India, dan juga Bangladesh, Myanmar, serta beberapa buah negara yang lain. Bahasa ini berbeza daripada bahasa-bahasa Indo-Aryan yang lain seperti Bahasa Bengal, Bahasa Assam, dan Bahasa Oriya. Bahasa ini berasal dan berkembang di Manipur dan pada asalnya terbatas di sekitar Tasik Loktak. Rujukan kepada Bahasa Bishnupriya Manipuri yang terawal terdapat dalam sebuah rekod sejarah pada abad ke-18 yang bernama *Khumal Purana* ditulis oleh Pandit Navakhendra Sharma. Autoriti-autoriti yang lain seperti *An account of the valley of Manipore* oleh Col. McCullock, *Descriptive Ethnology of Bengal* oleh E.T. Dalton, dan *Linguistic Survey of India* oleh Dr. G.A. Grierson menyatakan bahawa bahasa ini telah wujud di Manipur sebelum abad ke-19. Dr. Grierson menggelari bahasa ini sebagai "Bahasa Bishnupuriya Manipuri", manakala penulis-penulis yang lain hanya memanggilnya "Bishnupriya" atau "Bahasa Bishnupriya". Tempat-tempat utama penuturan bahasa ini ketika itu kini dikenali sebagai Khangabok, Heirok, Mayang Yamphal, Bishnupur, Khunan, Ningthankhong, Ngaikhong, Thamnapoxpi, dan sebagainya.

Bahasa Bishnupriya Manipuri	
ইমার ঠার/বিষ্ণুপ্রিয়া মণিপুরী *Imarthar*	
Wilayah	Timur laut India, Bangladesh, Myanmar, dan beberapa buah negara yang lain
Penutur asli	450,000 (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Indo-Eropah ▪ Indo-Iran ▪ Indo-Aryan ▪ Kumpulan Timur ▪ Bengali-Assam ▪ **Bahasa Bishnupriya Manipuri**
Kod bahasa	
ISO 639-2	`inc`
ISO 639-3	`bpy`
র্ি→ি	**Laman ini mengandungi teks Indic**. Tanpa menjadikan sokongan anda mungkin melihat vokal janggal berposisi dan kekurangan bergabung. Lebih...

Kebanyakan penutur bahasa ini berlari dari Manipur ke Assam, Tripura, Sylhet, dan Cachar semasa abad ke-18 dan abad ke-19 disebabkan oleh konflik dalaman antara putera-putera Manipur dan penyerangan Burma. Akhirnya, adalah sukar untuk bilangan kecil Bishnupriya yang masih tinggal di Manipur untuk mengekalkan bahasa mereka , walaupun pada tahun 1891 Dr. G.A. Grierson mendapati kewujudan penutur di dua atau tiga buah kampung dekat Bishnupur, dikenali sebagai Lamangdong di sana (LSI, Vol-V, muka surat 419). Secara perlahan bahasa ini mulai kehilangan kekukuhannya di Manipur disebabkan oleh kemajoritian Orang Meitei dan menghadapi kereputannya secara perlahan di Cachar dan Bangladesh disebabkan oleh kemajoritian penutur Bahasa Bengal. Bahasa Bishnupur Manipur masih dituturi di Jiribam (sebuah subdivisi Manipur), Cachar (satu daerah di Assam), dan beberapa penuturnya di Bangladesh dan Tripura.

Isi kandungan

Punca dan asal usul
Tulisan
Bilangan pengguna

Lihat juga
Pautan luar
Rujukan

Punca dan asal usul

Bahasa ini dikenali oleh penuturnya sebagai *Imar Thar* (ইমার ঠার), bermaksud "Bahasa ibu saya". Mereka menggelari sendiri dan bahasa sendiri sebagai "manipuri", dan menggunakan istilah "Bishnupriya" untuk membezakan sendiri daripada suku kaum yang lain di Manipur.

Tulisan

Bishnupriya ortodoks mendakwa bahawa mereka mempunyai tulisan mereka sendiri, iaitu tulisan Devanagari, yang digunakan untuk menulis Bahasa Bishnupriya pada zaman awal. Namun pengenalan pendidikan moden semasa zaman penjajahan British melalui Bahasa Bengal, penulis Bahasa Bishnupriya Manipuri mulai menggunakan tulisan Nagari Timur.

Bahasa ini ditulis dari kiri ke kanan.

Vokal: অ আ ই ঈ উ ঊ এ ঐ ও ঔ

Tanda vokal: া ি ী ু ূ ৃ ে ৈ ো ৌ

Konsonan: ক খ গ ঘ ঙ ছ জ ঝ ঞ ট ঠ ড ঢ ণ ত থ দ ধ ন প ফ ব ম য র ল শ ষ স হ ড় ঢ় য় ৱ □ ং ঃ ঁ

Nombor: ০ ১ ২ ৩ ৪ ৫ ৬ ৭ ৮ ৯

Bilangan pengguna

- 3,00,000 di Assam
- 60,000 di Tripura
- 60,000 di Bangladesh
- 5,000 di Jiribam (Manipur)
- 2,000 di Meghalaya
- 1,000 di Arunachal Pradesh
- 1,000 di Myanmar
- 150 di Nagaland
- 100 di Mizoram
- 1,000 di New Delhi
- 20,000 di Amerika Syarikat, UK, Kanada, Timur Tengah, dan negara-negara lain.

Lihat juga

- Masyarakat Bisnupriya Manipuri

Wikipedia ***Bahasa Bishnupur Manipur***, ensiklopedia bebas

Pautan luar

- Bishnupriya (http://www.ethnologue.org/show_language.asp?code=bpy) di Ethnologue
- Bishnupriya Manipuri: A brief introduction (http://www.languageinindia.com/dec2002/bishnupriya.html)
- Details on Bishnupriya Manipuri Language (http://manipuri.freeservers.com/)
- On the term Bishnupriya Manipuri (http://kanglaonline.com/index.php?template=kshow&kid=130&Idoc_Session=7abee11a8bc0de6ce32f560b1c69a3c8)
- Archive of Bishnupriya Manipuri Literature (http://Manipuri.htmlplanet.com)
- Bishnupriya Manipuri forum (http://www.manipuri.org/discus)
- Bishnupriya Manipuri Songs (http://manipuri-mp3-songs.folkmusicindia.com/)
- Bishnupriya Manipuri society (http://www.bishnupriya-manipuri.org)
- A weblog on Bishnupriya Manipuri people and culture (http://manipuri.wordpress.com)
- Bishnupriya Manipuri Blog (http://www.manipuriblog.blogspot.com)

Rujukan

1. *Vasatatvar Ruprekha*/ Dr. K.P. Sinha, Silchar, 1977
2. *Manipuri jaatisotta bitorko: ekti niropekkho paath* /Ashim Kumar Singha, Sylhet,2001
3. G.K. Ghose / Tribals and Their Culture in Manipur and Nagaland, 1982
4. Raj Mohan Nath / The Background of Assamese Culture, 2nd edn, 1978
5. Sir G. A. Grierson / Linguistic Survey of India, Vol-5,1903
6. Dr. K.P. Sinha / An Etymological Dictionary of Bishnupriya Manipuri, 1982
7. Dr. M. Kirti Singh / Religious developments in Manipur in the 18th and 19th centuuy, Imphal, 1980
8. Singha, Jagat Mohan & Singha, Birendra / The Bishnupriya Manipuris & Their Language, silchar, 1976

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_Indo-Iran&action=edit)

Bahasa Indo-Iran

Indik (Indo-Arya)

Lama · Pertengahan

Lama		Sanskrit (Veda · Klasik) · Superstratum Mitanni
Pertengahan		Abahatta · Apabhraṃśa · Prakrit Drama (Magadhi · Maharashtri · Shauraseni) · Elu · Gāndhārī · Jain · Paisaci · Pāli · Prakrit
	Moden	
Pertengahan	Hindi	Awadh · Bagheli · Hindi Bambaiya · Brij Bhasha · Bundeli · Chhattisgarhi · Hindi Fiji · Haryanvi · Kannauji · Sansiboli · Sadhukaddi (bentuk awal)
	Urdu	Dakhni · Rekhta (bentuk awal)
	Lain-lain	Dhanwar
Timur	Benggala	Chittagon · Sylhet
	Lain-lain	Angika · Assam · Bhojpur · Bishnupriya Manipuri · Chakma · Halbi · Hajong · Kayort · Kharia Thar · Magahi · Maithili · Majhi · Mal Paharia · Nahari · Oriya · Rajbanshi · Rohingya · Sadri

Utara	Garhwal · Kumaon · Nepal (Palpa) · Potwar	
Barat-laut	Punjab	Saraiki · Majha
	Lain-lain	Aer · Derawali · Dogri · Hindko · Kangra · Kutch · Sindh
Selatan	Dhivehi · Konkan · Mahal · Marathi · Sinhala	
Barat	Bhil	Bhil · Gamit
	Rajasthan	Bagri · Goaria · Gojri · Jaipur · Malvi · Marwari · Mewari · Dhatki (sosiolekt)
	Lain-lain	Domari · Gujarat · Kalto · Khandeshi · Parkari Koli · Romani · Saurashtra

Iran

Lama · Pertengahan

Lama	Barat	Median · Parsi Lama
	Timur	*Avestan* · *Old Scythian*
Pertengahan	Barat	*Parthia* · Parsi Pertengahan
	Timur	*Bactrian* · *Khwarezmian* · Ossetic (*Jassic*) · Sakan (Sacian) · Scythian · Sogdian

Moden

Barat	Kurdistan	Kermanshahi · Kurmanji · Soranî
	Parsi	Aimaq · Bukhori · Dari · Dehwari · Dzhidi · Hazaragi · Iran Parsi · Judeo-Shirazi · Khuzestan · Larestani · Parsi Tajik
	Lain-lain	*Azari Lama* · Balochi · Bashkardi · Caspian · Iran Tengah · Dari (Zoroastrian) · Fars · Gilaki · Gorani · Harzandi · Juhuri · Kumzari · Laki · Luri · Lori Bakhtiari · Mazandarani (Gorgani) · Ormuri · Sangsari · Parachi · Semnani · Taleshi · Tajik · Tat · Tati · Zazaki
Timur	Pamir	Ishkashimi · Munji · Roshani (Roshni) · Shughni · Sarikoli · Wakhi · Yazgulami · Yidgha
	Lain-lain	Bartangi · Kumpulan Hindukush · Ishkashmi · Kumpulan Karakoram · Khufi · Munji · Oroshori · Ossetic · Pashto · Sanglechi · *Vanji* · Waziri · Yaghnobi · Zebaki
Tak terkelas	Tangshewi	

Bahasa Indo-Iran yang lain

Dardic	Dameli · Domaaki · Gawar-Bati · Kalami · Kalash · Kashmir · Khowar · Kohistani · Nangalami · Palula · Pashayi · Shina · Shumashti · Torwali · Ushoji	
Nuristani	Kamkata-viri	Kamviri · Kata-vari · Mumviri
	Lain-lain	Askunu · Kalasha-ala · Kamkata-viri · Tregami · Vasi-vari

Huruf condong menandakan bahasa pupus.

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Bishnupur_Manipur&oldid=4206748"

Laman ini kali terakhir disunting pada 03:14, 26 November 2017.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.